

18 OGOS 2017

Rumah teres jadi stor ganja

SINAR HARIAN • JUMAAT 18 OGOS 2017

37

HUBUNGI SEKAD SENTRAL MOHD FAHMI ISMAIL - 019-3310021, NORAFIZA JAAFAR - 019-6680258, HIDAYAH HAIROM - 019 - 6680261

SENTRAL

MYDIN

Rumah teres jadi stor ganja

Taktik pengedar terbongkar, polis rampas dadah bernilai hampir RM400,000

MUHAMMAD AFHAM RAMLI

SHAH ALAM - Taktik seorang pengedar dadah menyembunyikan kegiatan haramnya dengan menyewa rumah teres dua tingkat di Seksyen 7, Bandar Baru Bangi, Kajang tidak lama, apabila polis akhirnya berjaya mengesan modus operandinya.

Ketua Polis Selangor, Datuk Mazlan Mansor berkata, hasil maklumat dan risikan yang dibuat, sepasukan polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Selangor menyerbukediaman lelaki terbabit kira-kira jam 8 malam, 11 Ogos lalu.

Menurutnya, serbuan menemui 132.110 kilogram bungkusankan tempat disyaki dadah jenis ganja.

"Dianggarkan nilai rampasan dadah adalah RM396,000 yang kita percaya untuk pasaran tempatan.

"Pemeriksaan lanjut terhadap lelaki berusia 35 tahun itu mendapati dia tidak mempunyai rekod kesalahan lampau," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor, semalam.

Beliau berkata, suspek dipercayai salah seorang ahli sindiket dan aktif pada tahun ini.

Katanya, dadah-dadah ini disyaki diperoleh dari luar dan dalam negara dan polis yakin ia membabitkan banyak sindiket berdasarkan bungkusankan yang dibuat.

"Suspek kini ditahan reman sehingga esok (hari ini) dan kes disiasat mengikut

INFO • Polis berjaya rampas pelbagai jenis dadah bernilai RM570,000 dalam operasi sejak 1 Ogos lalu

Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952, yang jika sabit salah akan dihukum gantung mandatori," katanya.

Dalam pada itu, suspek yang ditahan merupakan antara 28 individu yang dicekup dalam operasi sejak 1 Ogos lalu dan disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Sepanjang serbuan itu, polis membuat rampasan pelbagai jenis dadah dianggarkan bernilai RM570,000.



Mazan (dua, kiri) menunjukkan ganja yang dirampas.